



**MS ISO 9001:2015**

**PL-PK(PPP)-01**





## PERBADANAN LABUAN

PL-PK(PPP)-01

### PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK

**Disediakan Oleh** :

Nama : Matzanah binti Suboh  
Jawatan : Pembantu Tadbir (P/O)  
Tarikh : 01.08.2022

**Disemak Oleh** :

Nama : Madun bin Abdul Wahab  
Jawatan : Ketua Unit  
Tarikh : 01.08.2022

**Diluluskan Oleh** :

Nama : Ibrahim bin Tambi  
Jawatan : Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
(Pembangunan)  
Tarikh : 01.08.2022

No. Keluaran : 01


Tarikh Keluaran : 01.08.2022



## REKOD PINDAAN

<b>Bil</b>	<b>Maklumat Ringkas Pindaan</b>	<b>Tarikh Kuatkuasa Pindaan</b>



	<b>PL-PK (PPP)-01</b>			
	<b>PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK</b>			
	No. Keluaran	01	No. Pindaan	00
Tarikh Keluaran	01.08.2022	Tarikh Pindaan	-	

## 1.0 OBJEKTIF

Menguruskan permohonan projek pembangunan di bawah RMK.

## 2.0 SKOP

Menyelaras permohonan projek pembangunan di bawah RMK, Perbadanan Labuan sehingga pembentangan bajet permohonan projek RMK di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan / Unit Perancang Ekonomi.

## 3.0 RUJUKAN

- 3.1 Manual Kualiti (PL-MK)
- 3.2 Dokumen RMK yang berkuatkuasa

## 4.0 DEFINISI

### 4.1 *Public Sector Comparator (PSC) Budget Application*


Melengkapkan maklumat berkaitan anggaran kos berdasarkan ***Mechanical/Electrical Works***. Ruangan yang akan dilengkapkan adalah ***Item, Unit, Quantity, Rate*** dan ***Remarks*** bagi *services* yang dicipta.

### 4.2 MyProjek

MyProjek adalah sebagai instrumen pengurusan projek yang meliputi aktiviti **Perancangan, Pelaksanaan, Pemantauan** dan **Penilaian** bagi memastikan Program dan Projek di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) dilaksanakan dengan efektif dan efisien.

### 4.3 Jenis Kategori Projek (JKP)

- (i) Fizikal – Perolehan Tanah  
Projek melibatkan aktiviti perolehan tanah menerusi kaedah pengambilan tanah atau permohonan pemberimilikan tanah tetapi tidak termasuk kaedah pembelian;
- (ii) Fizikal – Kelengkapan/Peralatan  
Projek melibatkan sebarang aktiviti perolehan meliputi pembekalan kelengkapan atau peralatan fizikal/aset bagi melengkapkan sesuatu program/projek untuk mencapai outcome Kementerian/Agensi;
- (iii) Fizikal – Kelengkapan/Peralatan (ICT)  
Projek melibatkan sebarang aktiviti perolehan meliputi pembekalan kelengkapan, peralatan atau perkakasan ICT tetapi tidak termasuk pembangunan atau perolehan perisian (*software*);


	<b>PL-PK (PPP)-01</b>			
	<b>PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK</b>			
	No. Keluaran	01	No. Pindaan	00
Tarikh Keluaran	01.08.2022	Tarikh Pindaan	-	

- (iv) Fizikal – Pembelian Bangunan  
Projek melibatkan aktiviti pembelian bangunan dan/atau tanah;
- (v) Fizikal – Pembinaan  
Projek melibatkan kerja-kerja pembinaan bangunan dan infrastruktur baharu;
- (vi) Fizikal – Penyenggaraan  
Projek melibatkan kerja-kerja penerimaan, operasi dan senggara, penilaian, pemulihan, ubahsuai dan naiktaraf serta pemuliharaan sehingga pelupusan;
- (vii) Fizikal – *Research & Development & Commercialization & Innovation (R&D&C&I)*  
Penyelidikan sistematik yang dilaksanakan bagi menghasilkan suatu produk baharu atau memperbaiki produk sedia ada; dan
- (viii) Fizikal – Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan Dasar 4IR Negara (RTEDM & 4IR).

#### 4.4 Jenis Kategori Aktiviti

- (i) **Penyediaan spesifikasi (Pra-Pelaksanaan)**  
Spesifikasi untuk perolehan barangan/perkhidmatan/belian bangunan ditetapkan mengikut kehendak Agensi Pengguna oleh Agensi Pelaksana;
- (ii) **Perolehan**  
Aktiviti ini meliputi aktiviti-aktiviti seperti penyediaan dokumen meja tender (TTD), juga termasuk penyediaan penentuan kerja dan penyediaan senarai kuantiti (BQ); mengeluarkan iklan tender, penilaian tender daripada kontraktor, dan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor yang berjaya. Aktiviti ini turut meliputi projek atau program yang membuat perolehan secara ujian dan sebutharga.
- (iii) **Pembekalan & Pemasangan, Pengujian & Pentauliahan (Pelaksanaan)**  
Barangan/perkhidmatan dibekal dan/atau dipasang serta diuji sebelum ditauliahkan.
- (iv) **Penyerahan/Pindah Milik (Pasca-Pelaksanaan)**  
Agensi Pelaksana menyerahkan projek kepada Agensi Pengguna. Bagi projek-projek yang tidak dilaksanakan oleh JKR/JPS, proses ini melibatkan pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance – CCC*) daripada penguasa tempatan.




	<b>PL-PK (PPP)-01</b>			
	<b>PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK</b>			
	No. Keluaran	01	No. Pindaan	00
Tarikh Keluaran	01.08.2022	Tarikh Pindaan	-	

## 5.0 SINGKATAN

### 5.1 Singkatan Jawatan

P	-	Pengarah
KU	-	Ketua Unit
PPT	-	Penolong Pegawai Tadbir

	<b>PL-PK (PPP)-01</b>			
	<b>PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK</b>			
	No. Keluaran	01	No. Pindaan	00
Tarikh Keluaran	01.08.2022	Tarikh Pindaan	-	

## 6.0 TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

Tanggungjawab	Tindakan	Rujukan / Lampiran
<p>KU / PPT</p> <p>PPT</p> <p>PPT</p> <p>KU /PPT</p>	<p><b>1. Menyelaras permohonan projek dari jabatan di Perbadanan Labuan dan menyelaras mesyuarat untuk pemilihan projek</b></p> <p>i. Menyediakan draf memo edaran kepada semua Jabatan di PL bagi menyediakan senarai/tajuk projek RMK;</p> <p>ii. Terima senarai/tajuk projek dari setiap jabatan di PL;</p> <p>iii. Aturkan mesyuarat penyelarasan permohonan projek pembangunan bersama pihak pengurusan untuk mendapatkan keputusan projek yang akan dikemukakan kepada EPU melalui KWP; dan</p> <p>iv. Mengadakan sesi penyelarasan bersama Jabatan Pelanggan bagi Permohonan Projek Pembangunan RMK untuk melengkapkan dokumentasi permohonan projek seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Brif Projek;</li> <li>• <i>Logical Framework Matrix (LFM)</i>;</li> <li>• <i>Creativity Index (CI)</i>;</li> <li>• <i>Value At Entry (VAE)</i>; dan</li> <li>• <i>Public Sector Comparator (PSC)</i> (Khusus untuk projek pembinaan fizikal baharu).</li> </ul>	



**PL-PK (PPP)-01  
PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK**

No. Keluaran	01	No. Pindaan	00
Tarikh Keluaran	01.08.2022	Tarikh Pindaan	-


<b>Tanggungjawab</b>	<b>Tindakan</b>	<b>Rujukan /Lampiran</b>
KU/PPT	<p><b>2. Mengenalpasti permohonan projek yang perlu disediakan <i>Value At Entry (VAE)</i> [ACAT, VMS &amp; GNO]</b></p> <p>Sesi penyelarasan bagi Permohonan Projek Pembangunan RMK, setiap Jabatan Pelanggan berkaitan di PL perlu mengenalpasti dan menyediakan Borang <i>Value At Entry (VAE)</i> [ACAT, VMS &amp; GNO];</p>	
KU/PPT	<p>(i) Borang <i>Value At Entry (VAE)</i> [ACAT, VMS &amp; GNO] yang telah disediakan akan diselaraskan untuk semakan dan ditandatangani oleh pegawai teknikal PL dan KWP; dan</p>	
PPT	<p>(ii) Borang <i>Value At Entry (VAE)</i> [ACAT, VMS &amp; GNO] yang telah ditandatangani dikemukakan kepada PL bagi tujuan lampiran di dalam permohonan projek di dalam Sistem My Projek dan dokumentasi semasa Mesyuarat Pemeriksaan Bajet bersama KWP dan EPU.</p>	
	<p><b>3. Memasukkan maklumat berkaitan <i>Budget Application</i> dalam Sistem <i>Public Sector Comparator (PSC)</i> bagi permohonan projek yang melibatkan pembinaan fizikal bangunan baharu.</b></p>	
KU/PPT	<p>(i) Projek baharu yang telah dikenalpasti melibatkan Pembinaan Bangunan Baharu perlu dimasukkan maklumat <i>Budget Application</i> ke dalam Sistem <i>PSC</i>;</p>	
KU/PPT	<p>(ii) Sesi bersama Jabatan Pelanggan dan Jabatan Pembangunan Kejuruteraan diadakan bagi tujuan penyediaan maklumat untuk <i>Budget Application</i>; dan</p>	
PPT	<p>(iii) Maklumat lengkap <i>Budget Application</i> di dalam Sistem <i>PSC</i> akan ditarik masuk ke dalam Sistem MyProjek untuk tindakan selanjutnya bagi tujuan penghantaran permohonan projek kepada EPU melalui KWP.</p>	



**PL-PK (PPP)-01  
PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK**

No. Keluaran	01	No. Pindaan	00
Tarikh Keluaran	01.08.2022	Tarikh Pindaan	-

Tanggungjawab	Tindakan	Rujukan /Lampiran
PPT	<p><b>4. Memasukkan permohonan projek RMK dalam Sistem MyProjek mengikut Jenis Kategori Projek (JKP) dan Jenis Kategori Aktiviti (JKA).</b></p> <p>(i) Melengkapkan maklumat permohonan projek RMK ke dalam Sistem My Projek dalam tempoh yang diberikan oleh pihak EPU, JPM seperti Paparan Tab berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Projek</li> <li>(b) RMK</li> <li>(c) OBB</li> <li>(d) Output, Outcome &amp; KPI</li> <li>(e) Agensi</li> <li>(f) Kewangan</li> <li>(g) Negeri, Lokasi dan Tapak</li> <li>(h) Creativity Index</li> <li>(i) Dokumen Lampiran</li> <li>(j) Projek Brief</li> <li>(k) Perakuan</li> </ul> <p>(ii) Maklumat permohonan projek yang telah selesai diisi di dalam Sistem My Projek dihantar ke KWP untuk <b>Pengesahan.</b></p> <p><b>5. Menyelaras pembentangan bajet permohonan projek RMK di peringkat KWP/EPU.</b></p>	
KU/PPT	(i) Menerima ketetapan tarikh Mesyuarat Pemeriksaan Bajet daripada pihak EPU;	
PPT	(ii) Menyediakan sepuluh (10) set salinan dokumentasi/maklumat ( <i>hardcopy</i> ) untuk panel Mesyuarat Pemeriksaan Bajet dan ahli mesyuarat yang lain;	
KU/PPT	(iii) Mengeluarkan memo jemputan ke Mesyuarat Pemeriksaan Bajet kepada jabatan-jabatan berkaitan; dan	
KU/PPT	(iv) Mesyuarat Pemeriksaan Bajet Pembangunan bersidang.	

	<b>PL-PK (PPP)-01</b>			
	<b>PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK</b>			
	No. Keluaran	01	No. Pindaan	00
Tarikh Keluaran	01.08.2022	Tarikh Pindaan	-	

## 7.0 REKOD KUALITI

Rekod	Tempoh Penyimpanan	Lokasi
Surat dan Senarai Permohonan RMK	5 tahun	Bilik Fail, Unit 3P
Minit Mesyuarat Penyelarasan	5 than	Bilik Fail, Unit 3P

## 8.0 LAMPIRAN

Tiada

## 9.0 BORANG

Tiada





**PL-PK (PPP)-01  
PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK**

No. Keluaran	01	No. Pindaan	00
Tarikh Keluaran	01.08.2022	Tarikh Pindaan	-


**10.0 CARTA ALIR**


**PROSES KERJA 1 : Menyelaras permohonan projek dari jabatan di Perbadanan Labuan dan menyelaras mesyuarat untuk pemilihan projek**




	<b>PL-PK (PPP)-01</b>			
	<b>PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK</b>			
	No. Keluaran	01	No. Pindaan	00
Tarikh Keluaran	01.08.2022	Tarikh Pindaan	-	

**PROSES KERJA 2 : Mengenalpasti permohonan projek yang perlu disediakan *Value At Entry (VAE)* [ACAT, VMS & GN0]**




	<b>PL-PK (PPP)-01</b>			
	<b>PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK</b>			
	No. Keluaran	01	No. Pindaan	00
Tarikh Keluaran	01.08.2022	Tarikh Pindaan	-	


**PROSES KERJA 3 :** Memasukkan maklumat berkaitan *Budget Application* dalam Sistem *Public Sector Comparator PSC*) bagi permohonan projek yang melibatkan pembinaan fizikal bangunan baharu.






	<b>PL-PK (PPP)-01</b>			
	<b>PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK</b>			
	No. Keluaran	01	No. Pindaan	00
Tarikh Keluaran	01.08.2022	Tarikh Pindaan	-	

**PROSES KERJA 4 : Memasukkan permohonan projek RMK dalam Sistem My Projek mengikut Jenis Kategori Projek (JKP) dan Jenis Kategori Aktiviti (JKA).**



	<b>PL-PK (PPP)-01</b>		
	<b>PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK</b>		
	No. Keluaran	01	No. Pindaan
Tarikh Keluaran	01.08.2022	Tarikh Pindaan	-

**PROSES KERJA 5 : Menyelaras pembentangan bajet permohonan projek RMK di peringkat KWP/EPU.**

